

Penyimpanan air bawah tanah tangani banjir kilat

(4 SEPTEMBER 2022) BH, P3



Kakitangan Jabatan Landskap DBKL membersihkan pokok hiasan yang rosak akibat dipijak pengunjung ketika sambutan Hari Kemerdekaan Ke-65 di Jalan Raja Laut, semalam. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

Syor DBKL sebagai strategi jangka panjang urus bencana di ibu negara

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tempat penyimpanan air bawah tanah dilaksanakan negara maju seperti di Tokyo, Jepun wajar dibina di ibu negara, sebagai langkah mengatasi banjir kilat dalam jangka panjang.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, berkata ia cadangan yang diketengahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebagai strategi menguruskan banjir di ibu kota.

Jelasnya, perkara itu masih dalam kajian menerusi perunding yang dilantik oleh DBKL.

“Ada cadangan jangka panjang berkenaan cara mengatasi banjir kilat di Kuala Lumpur, iaitu penyimpanan air bawah tanah seperti di Tokyo.

“Ia ditakung dahulu supaya tidak berlaku banjir kilat dan disimpan di bawah tanah.

“Kita mengkaji perkara ini melalui perunding dilantik untuk mengeluarkan penemuan dalam empat hingga lima bulan,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Malam Media anjuran DBKL, kelmarin.

Mahadi berkata, kajian bertu-

juan menentukan sama ada pelaksanaan langkah itu sesuai atau sebaliknya.

Katanya, ia perlu diletak di tempat yang paling rendah supaya air mudah untuk disalurkan ke lokasi penyimpanan.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, DBKL kerugian RM700,000 selepas pokok hiasan yang ditanam sebagai landskap di sekitar ibu negara rosak dipijak pengunjung ketika perarakan sempena Hari Kemerdekaan Ke-65, Rabu lalu.

Katanya, kerosakan disebabkan kehadiran luar biasa pengunjung pada sambutan terbabit yang turut mengundang kesesakan teruk di sekitar ibu negara.

Cabaran DBKL

Mengakui cabaran perlu dipikul pihaknya, beliau berkata, DBKL kini mencari jalan untuk menguruskan perkara itu supaya ia tidak berlaku pada masa hadapan.

“Oleh kerana kehadiran pengunjung begitu ramai dan luar biasa ketika menyertai perayaan Hari Kebangsaan 2022, jadi berlaku kesesakan yang menye-

babkan beberapa kawasan landskap di pertengahan jalan berdekatan Dataran Merdeka rosak.

“Sebanyak RM700,000 kerugian dicatatkan membabitkan pokok hiasan yang rosak, Ini risiko yang kita hadapi apabila menerima pengunjung yang ramai.

“Namun, kita sedang mencari jalan bagaimana nak menguruskan perkara ini dan ia cabaran yang perlu kita tangani,” katanya.



Mahadi Che Ngah

Ibadat & Fadilat

Sayidina Umar Khathab RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: “Tiap-tiap amal harus disertai dengan niat. Balasan bagi setiap amal manusia, ialah pahala bagi apa diniatkannya. Maka sesiapa (niat) hijrahnya kerana Allah dan Rasul-Nya, baginya pahala hijrah kerana Allah dan Rasul-Nya. Dan sesiapa (niat) hijrahnya kerana dunia hendak diperolehnya atau kerana perempuan hendak dikahwininya, maka (pahala) hijrahnya sesuai dengan niatnya untuk apa dia hijrah.” (HR Bukhari)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:02	1:20	4:22	7:26	8:36
Alor Setar	6:02	1:20	4:22	7:25	8:35
P. Pinang	6:03	1:20	4:23	7:25	8:35
Ipoh	6:02	1:18	4:22	7:22	8:32
Kuala Lumpur	5:59	1:15	4:22	7:19	8:29
Shah Alam	5:59	1:15	4:22	7:19	8:29
Johor Bahru	5:52	1:07	4:15	7:10	8:19
Kuantan	5:54	1:10	4:17	7:13	8:23
Seremban	5:59	1:14	4:21	7:17	8:27
Bandar Melaka	5:58	1:13	4:21	7:16	8:26
Kota Bharu	5:55	1:13	4:15	7:18	8:24
K. Terengganu	5:52	1:09	4:12	7:14	8:23
Kota Kinabalu	5:02	12:18	3:22	6:23	7:33
Kuching	5:27	12:42	3:50	6:45	7:54